

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 30 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Laws to control e - cigarettes in the pipeline	The Star
2.	Three ministries entrusted with monitoring e - cigarettes, vapes	New Straits Times
3.	Tiga kementerian kawal selia penggunaan vape	BERNAMA
4.	3 kementerian kawal selia penggunaan rokok elektronik	Berita Harian
5.	Kawal selia vape	Harian Metro
6.	Penjualan vape dikawal selia	Kosmo

# Laws to control e-cigarettes in the pipeline

New regulations set to be in place within two years

**PUTRAJAYA:** Two new laws will be in place to regulate electronic cigarettes and vapes.

One will replace the Control of Tobacco Product Regulations 2004 while the other will be drafted to regulate electronic cigarettes and vapes that do not contain nicotine, said the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry.

The ministry said the target was for these laws to be in place within two years.

"In the meantime, the sale of electronic cigarettes and vapes will remain under existing laws and regulations, and to be monitored by the ministries and agencies concerned," it said.

While the ministry is tasked with looking for best practices to regulate the use and sales of the products, health officials must come up with a detailed study on the effects of using such devices.

The statement said the Cabinet decided on Oct 28 to get three ministries to work together to regulate the use and sales of electronic cigarettes and vapes.

The Health Ministry as well as the Science, Technology and Innovation ministries have been roped in for this.

The Health Ministry is tasked to monitor the sale of liquid containing nicotine for electronic cigarettes and vapes, which can only be sold at licensed pharmacies and by medical practitioners for treatment purposes.

It is also tasked to look at the

We are in charge of enforcing the standard safety regulations for the batteries and devices.

Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry

health aspects when it comes to sales, promotion, sponsorship and labelling of liquid without nicotine. It will be the authority to prohibit underaged people from smoking or using these smoking devices.

The Science, Technology and Innovation Ministry, through the Malaysian Standards Department, is to develop a standard for batteries, devices as well as packaging for nicotine-free liquids.

"Activities involving licence, production, distribution including import, export and retail of devices and liquids without nicotine will come under this ministry's purview."

"We are in charge of enforcing the standard safety regulations for the batteries and devices. We will see to it that products are properly labelled or action will be taken," said the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry.

**BERITA ONLINE  
NST.COM.MY  
TARIKH: 30 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

## **NEW STRaits TIMES ONLINE**

# ***Three ministries entrusted with monitoring e-cigarettes, vapes***

PUTRAJAYA: A total of three ministries will be entrusted with monitoring the use of e-cigarettes and vapes nationwide.

The Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry, in a statement today, said the decision was made by the Cabinet yesterday.

Apart from the Domestic Trade ministry, the other two ministries involved are the Health as well as **Science, Technology and Innovation (MOSTI) ministries**.

“The Health Ministry will monitor the sale of e-cigarette liquids containing nicotine under the Poisons Act 1952 and the Sale of Drugs Act 1952.

“MOSTI, through the Malaysia Standards Department, will develop standards for e-cigarettes and vape batteries and devices, as well as the packaging of e-cigarette liquids without nicotine under the Malaysia Standards Act 1996,” said the ministry.

The Domestic Trade Ministry, in the meantime, will monitor and enforce safety standards of e-cigarettes, vape batteries and devices under the Consumer Protection Act 1999 (Act 599).

It added the ministry would also monitor and enforce relevant laws relating to labeling of the device and liquids without nicotine used in e-cigarettes and vapes.

In view of the Cabinet's decision, amendments to existing laws including the Control of Tobacco Product Regulations of 2004 would be made.

The Domestic Trade Ministry will also draft a new law relating the control of e-cigarettes and vape without nicotine within the next two years.

“During the transition period, the sale of e-cigarettes and vapes will still be governed by existing regulations and relevant agencies,” it added.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 30 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**



## **Tiga Kementerian Kawal Selia Penggunaan Vape**



PUTRAJAYA, 29 Dis (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) merupakan satu daripada tiga kementerian yang diberi tanggungjawab oleh kerajaan mengawal selia penggunaan rokok elektronik dan vape.

KPDKKK dalam satu kenyataan di sini hari ini menyebut, dua kementerian lain yang diberikan peranan melalui ketetapan yang diputuskan pada mesyuarat jemaah menteri semalam adalah Kementerian Kesihatan dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).**

Menerusi keputusan itu, KPDKKK dipertanggungjawab untuk mengawal selia dan menguatkuasakan Peraturan Standard Keselamatan bagi bateri dan peranti rokok elektronik dan vape di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).

Selain itu, kementerian itu juga akan mengawal selia dan menguatkuasa penandaan maklumat berkaitan pada label peranti dan cecair tanpa nikotin rokok elektronik dan vape melalui akta sedia ada seperti Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730); Akta 599; Akta Kawalam Harga dan AntiPencatutan (Akta 723) dan Akta Timbang dan Sukat 1972 (Akta 71).

Aktiviti perlesenan, pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair tanpa nikotin rokok elektronik dan vape di bawah akta baharu akan dikawal selia oleh KPDKKK, kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, Kementerian Kesihatan dipertanggungjawab mengawal selia penjualan cecair yang mengandungi nikotin di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952, menjadikan penjualan sediaan yang mengandungi nikotin hanya dibenarkan oleh farmasi berlesen dan pengamat perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan.

Kementerian itu juga bertanggungjawab mengawal selian penjualan, promosi dan pelabelan yang berkaitan dengan kesihatan bagi cecair tanpa nikotin rokok elektronik dan vape selain larangan merokok termasuk larangan penggunannya bagi orang di bawah umur.

Sementara itu, MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia pula akan membangunkan standard bagi bateri, peranti dan pembungkusan cecair tanpa nikotin rokok elektronik dan vape berdasarkan Akta Standard Malaysia 1996.

Lanjutan daripada keputusan itu, Kementerian Kesihatan akan menggubal undang-undang baharu menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, manakala KPDKKK pula menggubal undang-undang baharu berhubung kawalan rokok elektronik dan vape yang tidak mengandungi nikotin dalam tempoh dua tahun.

Sepanjang tempoh tersebut, penjualan rokok elektronik dan vape adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang dikawal selia oleh kementerian serta agensi berkaitan, menurut kenyataan itu.

Selain itu, KPDKKK juga akan menjalankan kajian mengenai kaedah pengawal seliaan rokok elektronik dan vape manakala Kementerian Kesihatan melaksanakan kajian lanjut berhubung kesan penggunaannya terhadap kesihatan.

Sehubungan itu, KPDKKK mahu semua pengusaha vape supaya mematuhi undang-undang sedia ada dan juga mendapatkan kelulusan ujian verifikasi daripada SIRIM serta memberi jaminan bahawa barang berkenaan selamat untuk digunakan sebelum diedar atau dijual kepada pengguna.

-- BERNAMA

# 3 kementerian kawal selia penggunaan rokok elektronik

→ KPDKKK mahu pengusaha vape patuhi undang-undang, dapat kelulusan SIRIM

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Tiga kementerian akan bertanggungjawab dalam mengawal selia penggunaan dan penjualan rokok elektronik dan vape di negara ini.

Antaranya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), seperti yang diputuskan dalam mesyuarat Kabinet pada 28 Oktober lalu.

KPDKKK dalam kenyataan semalam berkata, Kementerian Kesihatan akan mengawal selia penjualan cecair mengandungi nikotin di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952. Justeru, penjualan bahan yang mengandungi nikotin hanya dibenarkan oleh farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan.

Kementerian itu juga akan mengawal selia penjualan, penajaan dan pelabelan berkaitan kesihatan bagi cecair tanpa nikotin rokok elektronik dan vape serta larangan penggunaannya bagi orang di bawah umur.

KPDKKK berkata, MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia akan membangunkan standard bagi bateri, peranti dan pembungkusan cecair tanpa nikotin di bawah Akta Standard Malaysia 1996.

## Peraturan Standard Keselamatan

"KPDKKK pula akan mengawal selia dan menguatkuasa Peraturan Standard Keselamatan bagi bateri dan peranti rokok elektronik dan vape di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] serta penandaan maklumat berkaitan pada label peranti dan cecair tanpa nikotin melalui akta sedia ada seperti Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599], Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] serta Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71].

"Akta pelesenan, pengeluaran, pengedaran termasuk import eksport dan peruncitan serta cecair tanpa nikotin turut dikawal selia KPDKKK," katanya.

KPDKKK berkata, bagi tujuan itu, Kementerian Kesihatan akan menggubal undang-undang baharu bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, manakala KPDKKK pula menggubal undang-undang baharu berhubung kawalan rokok elektronik



## Fakta nombor

500  
JENAMA  
vape di pasaran

8,000  
PERISA  
vape di pasaran

dan vape yang tidak mengandungi nikotin dalam tempoh dua tahun.

Sepanjang tempoh peralihan itu katanya, penjualan rokok elektronik dan vape adalah ter-takluk kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang dikawal selia oleh kementerian dan agensi berkaitan.

## Kaji kesan penggunaan

"Kementerian Kesihatan akan menjalankan kajian lanjut terhadap kesan penggunaan rokok elektronik dan vape terhadap kesihatan, manakala KPDKKK akan menjalankan kajian menganai keadaan pengawal seliaan alat itu ke arah model terbaik di dunia.

"KPDKKK mahu semua pengusaha vape supaya mematuhi undang-undang sedia ada dan mendapatkan kelulusan ujian pengesahan daripada SIRIM serta memberi jaminan ke atas barang berkenaan selamat untuk digunakan sebelum diedar atau dijual kepada pengguna," katanya.

Pada Oktober tahun lalu, Kabinet memutuskan kerajaan tidak akan mengharamkan penggunaan rokok elektronik atau vape di negara ini.

Bagaimanapun, Muzakarah Khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada Disember memutuskan penggunaan alat itu adalah haram kerana memudaratkan kesihatan.

Selain itu, beberapa negeri turut mengharamkan penjualan vape, antaranya Kedah, Pulau Pinang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 46**  
**TARIKH : 30 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

# Kawal selia vape

■ **Kementerian Kesihatan bakal gubal undang-undang baru**

**Hayati Ibrahim**

ya\_t@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**P**enggunaan rokok elektronik dan vape tidak diharamkan di negara ini, sebaliknya penggunaan dan penjualannya akan dikawal selia tiga kementerian.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam kenyataan berkata, tiga kemen-

terian berkenaan adalah KPDNKK, Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Teknologi, Sains dan Inovasi (MOSTI) seperti diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri, pada 28 Oktober lalu.

Malah, KPDNKK satu akta baharu diwujudkan bagi mengawal selia aktiviti perlesenan, pengeluaran, pendedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair tanpa nikotin rokok elektronik dan vape.

"Berikutnya keputusan itu

juga, KKM akan menggubal undang-undang baharu bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, manakala KPDNKK pula menggubal undang-undang baharu berhubung kawalan rokok elektronik dan vape yang tidak mengandungi nikotin dalam tempoh dua tahun.

"Sepanjang tempoh peralihan itu, penjualan rokok elektronik dan vape terpakluk kepada undang-undang serta peraturan sedia ada yang dikawal selia ke-

menterian dan agensi berkaitan," katanya.

Menurutnya, KKM juga menjalankan kajian lanjut terhadap kesan penggunaan rokok elektronik dan vape terhadap kesihatan, manakala KPDNKK akan menjalankan kajian menganai kaedah pengawal seliaan peranti itu ke arah model terbaik di dunia.

Berhubung tugas kawal selia, katanya, KKM mengawal selia penjualan cecair mengandungi nikotin mengikut Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 04  
TARIKH : 30 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

Kabinet putuskan KPDNKK, Kementerian Kesihatan, MOSTI kuat kuasa peraturan

## **Penjualan vape dikawal selia**

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

**P**UTRAJAYA — Kabinet kelmarin memutuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP DNKK), Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertanggungjawab mengawal selia penggunaan serta penjualan produk rokok elektronik dan vape.

KPDNKK dalam satu kenyataan semalam berkata, menerusi keputusan tersebut, kementerian itu akan menguatkuasakan Peraturan Standard Keselamatan bagi bateri dan peranti rokok elektronik dan vape di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"KPDNKK juga akan menguat kuasa maklumat label peranti dan cecair tanpa nikotin rokok elektronik serta vape antaranya melalui Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan," katanya kenyataan itu.

Kenyataan itu memberitahu, aktiviti pelsenan, pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair

tanpa nikotin rokok elektronik dan vape di bawah akta baharu yang akan dikawal selia KP DNKK.

Tambahnya, Kementerian Kesihatan pula mengawal selia penjualan cecair yang mengandungi nikotin di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952.

Katanya, penjualan bahan mengandungi nikotin hanya dibenarkan dijalankan oleh farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan.

Kata kenyataan itu lagi, MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia pula akan membangunkan standard bateri, peranti dan pembungkusan cecair tanpa nikotin rokok elektronik dan vape berdasarkan Akta Standard Malaysia 1996.

Susulan keputusan itu katanya, Kementerian Kesihatan akan menggubal undang-undang baharu menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

"KPDNKK pula menggubal undang-undang baharu kawalan rokok elektronik dan vape yang tidak mengandungi nikotin dalam tempoh dua tahun," katanya.



PENJUALAN dan penggunaan rokok elektronik serta vape kini berada di bawah kawal selia pihak KP DNKK, Kementerian Kesihatan dan MOSTI. — Gambar hiasan